



LADANG ternakan lembu tenusu di Muadzam Shah, Pahang menyumbang 17 peratus susu mentah untuk keperluan negara.

Usahawan tani pendapatan negara

um
27/10/16

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Sektor agropreneur yang meliputi usahawanan dan pertanian kini menjadi antara penyumbang utama kepada pembangunan negara terutamanya dalam pembekalan bahan makanan.

Sektor itu menunjukkan perkembangan positif apatah lagi masih banyak lagi peluang yang boleh diterokai oleh usahawan tani dalam bidang tersebut, sekali gus menjadikan ia kerjaya pilihan.

Pengarah Operasi The Holstein Milk Co. Sdn. Bhd., Azmi Zainal berkata, sememangnya masih banyak sumber pertanian yang boleh diusahakan di Malaysia lebih-lebih lagi yang melibatkan sumber makanan.

Beliau yang menceburi industri tenusu berkata, pengeluaran susu jenama Farm Fresh keluaran syarikatnya sebanyak 30 juta liter setahun sebenarnya hanya memenuhi lima peratus keperluan pasaran negara, sedangkan 95 peratus lagi bergantung kepada sumber import.

"Jadi, sudah tiba masanya kerajaan memperkasakan industri tenusu dan Bajet 2017 yang dibentangkan baru-baru ini adalah langkah permulaan untuk memajukan lagi industri tersebut.

"Cuma kini, diharap kerajaan dapat mengekang kemasukan susu import sebaliknya memperbanyakkan susu keluaran tempatan kerana ia sebenarnya lebih segar dan berkualiti," katanya.

Menurut Azmi, produk susu



AMZI ZAINAL



NORHASHIM
KAMISAN

tempatan seperti Farm Fresh akan berada di pasaran dalam tempoh 48 jam selepas ia diperah.

Ini bermakna masyarakat akan mendapat susu yang lebih segar berbanding susu import yang mengambil masa lama untuk sampai ke Malaysia, katanya.

Menurutnya, syarikatnya kini memiliki 3,000 ekor lembu tenusu yang ditenak di dua ladangnya di Muadzam Shah, Pahang dan Mawai, Johor.

Ladang di Muadzam Shah menyumbang kira-kira 17 peratus daripada keluaran susu mentah tempatan.

"Potensi pasaran tenusu tempatan sangat luas kerana sehingga kini, kita masih tidak dapat memenuhi permintaan industri walaupun kilang kami memproses sebanyak 1.35 juta tan sebulan," katanya.

Sementara itu, usahawan tani Norhashim Kamisan yang memulakan penanaman cili secara fertigasi sejak 2006 turut bersetuju

bahawa peluang dalam sektor pertanian masih banyak yang belum diterokai.

"Walaupun kami yang terdiri daripada hampir 300 usahawan cili fertigasi yang bernaung di bawah persatuan Pewaris Bumi Hijau mengeluarkan lebih daripada 200 juta tan metrik cili fertigasi, tetapi ia masih tidak cukup untuk memenuhi pasaran tempatan, sebaliknya baru mencapai 10 peratus sahaja," katanya.

Norhasham berkata, usaha untuk menghimpunkan usahawan cili fertigasi itu diambil bagi memastikan bekalan tidak terputus, sekali gus membantu mereka memasuki pasaran hypermarket.

Setakat ini, katanya, Pewaris Bumi Hijau menghimpunkan usahawan muda cili fertigasi di bawah 40 tahun dari enam negeri iaitu Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Perak.

"Pasaran cili fertigasi masih belum dipenuhi sepenuhnya. Jadi, penyertaan lebih ramai usahawan muda sememangnya digalakkan.

"Bagi mereka yang ingin memulakan projek tersebut di bawah Pewaris Bumi Hijau, mereka berpeluang mendapatkan pinjaman Tekun sekiranya tidak mempunyai modal pusingan.

"Pihak persatuan akan memberi tunjuk ajar tentang cara-cara penanaman cili fertigasi yang betul dan setiap permasalahan akan cuba diatasi bagi memastikan mereka mengusahakan projek tersebut dengan jayanya," katanya.